


SEBELUM ITU, APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN HARI SYAK?

Imam Al-Nawawi berkata :

قَالَ أَصْحَابُنَا يَوْمُ الشَّكِّ هُوَ يَوْمُ
الثَّلَاثِينَ مِنْ شَعْبَانَ

“ Para ashab kami berkata bahawa hari syak adalah hari ke- 30 dari bulan Sya’ban. ”

[al-Majmu’, 6/401]



Oleh itu apakah hukum berpuasa pada hari tersebut?

Imam al-Nawawi berkata:

لَا يَصِحُّ صَوْمُ يَوْمِ الشَّكِّ عَنْ رَمَضَانَ بِلَا
خِلَافٍ لِمَا ذَكَرَهُ الْمُصَنِّفُ

“ Tidak sah berpuasa pada hari syak (sebagai puasa) Ramadhan tanpa sebarang khilaf (di sisi para ulama) berdasarkan apa yang disebutkan oleh musannif (pengarang kitab). ”

فَإِنْ صَامَهُ عَنْ قَضَاءٍ أَوْ نَذْرٍ أَوْ
كَفَّارَةٍ أَجْزَأُهُ

“ Sekiranya seseorang itu berpuasa qadha’, nazar, atau kaffarah pada (hari syak) maka puasanya sah. ”

Jumhur Al-Syafi’eyyah mengatakan bahawa (puasa hari syak adalah) tidak makruh.

[Majmu’ Syarh al-Muhazzab, 6/399]

Hujah yang dikemukakan adalah hadis Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:



لَا تَقَدِّمُوا صَوْمَ رَمَضَانَ بِيَوْمٍ وَلَا
يَوْمَيْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ صَوْمًا يَصُومُهُ
رَجُلٌ فَلْيَصُمْ ذَلِكَ الصَّوْمَ

“ Janganlah kalian mendahulukan Ramadhan dengan sehari berpuasa atau dua hari kecuali bagi sesiapa yang telah terbiasa berpuasa sebelumnya. ”

Imam al-Nawawi ketika mengulas isu ini beliau berkata:

لِأَنَّهُ إِذَا جَازَ أَنْ يَصُومَ فِيهِ تَطَوُّعًا
لَهُ سَبَبٌ فَالْفَرَضُ أَوْلَى

“ Ini kerana, apabila dibolehkan untuk seseorang berpuasa sunat yang mempunyai sebab pada (hari syak), maka puasa fardhu pasti lebih utama (dibolehkan). ”

KESIMPULAN

Hukum **berpuasa qadha’ pada hari syak adalah sah dan dibolehkan**. Lebih-lebih lagi tempoh masa untuk melakukan qadha’ puasa telah sempit pada waktu tersebut. Namun **tidak digalakkan bagi puasa yang tidak ada sebab** untuk berpuasa.

SUMBER

AL-INARAH #1204 PUASA QADHA PADA HARI SYAK